

## semula skim

## gaji FT17

22/3/2011  
**S**AYA ingin menarik perhatian pihak terbabit supaya turut mengkaji gaji permulaan bagi Skim FT17 iaitu jawatan Juruteknik Komputer.

Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di-

harap dapat menyelaraskan gaji permulaan penjawat jawatan berkelulusan diploma supaya setaraf graduan lepasan Sijil iaitu P1T9, dan bukan P1T1 mengikut kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Seperti artikel terbabit, kebanyakan penyandang jawatan berkelulusan Diploma. Saya faham adalah mustahil untuk mendapat gaji setaraf dengan kelulusan diploma kerana itu adalah gaji untuk jawatan PPTM gred F29.

SPA juga harus mengambil kira jurusan Kejuruteraan Elektrik atau Elektronik dijadikan antara syarat kelayakan bagi skim ini memandangkan dalam pengajian jurusan ini, mata pelajaran berkaitan Teknologi Maklumat (IT) turut dipelajari.

Antaranya perkakasan komputer, C++, visual basic, java script dan macromedia flash. Kebanyakan majikan swasta turut mengambil graduan EE untuk jawatan juruteknik IT di syarikat mereka.

Atas pengalaman kerja swasta juga ramai yang mendapat pelarasan gaji oleh SPA. Jika SPA boleh mengambil PKE sebagai salah satu syarat kelayakan jawatan itu, maka adalah bersesuaian jika pengajian lanjutannya juga diiktiraf SPA untuk anjakan gaji permulaan.

Kami berharap pelarasan ini dapat dilakukan kerana seperti pemegang sijil, kami juga harus melunaskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), malah jumlahnya mungkin lebih tinggi daripada yang harus dibayar oleh yang mendapat gaji P1T9.

Pada gred gaji SPM P1T1 dengan beban tugas sama, sedangkan kami terus menyambung pengajian ke peringkat diploma berkat keputusan SPM yang baik.

**FT MENGHARAP,**

Kuala Lumpur

# Lantikan ikut syarat skim perkhidmatan terkini

BH 24/3/11  
BH 24-03-2011

**S**URUHANJAYA Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ingin merujuk kepada aduan 'FT Mengharap' dari Kuala Lumpur yang disiarkan dalam ruangan ini bertarikh 22 Mac lalu bertajuk 'Mohon SPA kaji semula skim gaji FT17' mengenai permohonan penyelarasan gaji permulaan bagi jawatan juruteknik komputer gred FT17 bagi pemegang diploma.

Semua urusan pelantikan dilaksanakan berdasarkan syarat lantikan bagi skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.

Secara ringkasnya skim perkhidmatan juruteknik komputer gred FT17, mensyaratkan calon memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Dua dalam bidang sistem komputer (pembantu juruteknik sistem komputer), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Tiga dalam bidang sistem komputer (juruteknik sistem komputer), sijil dalam bidang teknologi maklumat atau proses data atau sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) serta lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat SPM.

Perbezaan syarat lantikan ini selaras dengan penetapan gaji permulaan yang akan terdapat perbezaan mata gaji berasaskan kelulusan dimiliki.

Calon memiliki diploma boleh dilantik ke skim perkhidmatan juruteknik komputer gred FT17 dengan syarat calon memenuhi satu daripada syarat lantikan seperti dinyatakan.

Bagaimanapun, skim perkhidmatan ini tidak memperuntukkan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi kepada mana-mana calon yang mempunyai kelayakan diploma.

Selain itu, kelayakan sijil kejuruteraan elektrik dan elektronik juga tidak memenuhi syarat lantikan bagi maksud pelantikan ke skim perkhidmatan juruteknik komputer gred FT17 dan juga bagi maksud penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi pada mata gaji P1T9.

**RADZIAH MOHD SHARIF,**

*Pegawai Perhubungan Awam, bp Setiausaha SPA*

# 1,688 kekosongan

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menawarkan Latihan Separa Perubatan bertaraf Diploma dan Sijil secara percuma dengan jaminan penempatan pekerjaan tetap untuk diisi 1,688 orang.

Ia melibatkan 13 jenis latihan dengan latihan bertaraf diploma akan dijalankan selama tiga tahun, manakala sijil selama dua tahun setengah, kata SPA dalam kenyataan semalam.

Had umur untuk calon memohon Latihan Separa Perubatan itu tidak kurang daripada 17 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk calon lantikan terus, manakala pegawai sedang berkhidmat bagi kenaikan pangkat secara lantikan perlu berumur kurang 51 tahun.

Setiausaha SPA, Datuk Lamien Sawiyo dalam kenyataan itu berkata, pelatih yang menamatkan latihan akan



● **LAMIEN SAWIYO**

dilantik secara tetap dan diberi penempatan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara.

"Oleh yang demikian, calon tidak perlu risau mencari pekerjaan setelah menamatkan latihan. Selain belajar secara percuma, pelatih akan diberikan biasiswa bulanan," katanya.

Keterangan lanjut dan borang permohonan boleh didapati dengan melayari Portal SPA di [www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my). Tarikh akhir permohonan ialah 1 April 2011. - Bernama



# SPA tawar latihan separa perubatan percuma

UM 29-03-2011

KUALA LUMPUR 28 Mac - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menawarkan 13 jenis latihan separa perubatan bertaraf diploma dan sijil secara percuma bagi sesi kemasukan Julai 2011.

Setiausahanya, Datuk Lamien Sawiyo berkata, 1,688 tempat kosong yang ditawarkan itu terbuka untuk warganegara yang berkelayakan terutamanya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2010.

Tambahnya, had umur pemohon hendaklah tidak melebihi 25 tahun bagi calon lantikan terus, manakala bagi Pegawai Sedang Berkhidmat untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) pula hendaklah berumur kurang daripada 51 tahun.

"Pelatih yang berjaya menamatkan latihan akan dilantik secara tetap dan diberi penempatan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini hari ini.

29/3/2010 um ms 6